

14 APR 1997

MAHATHIR, KAMAL AKAN METERAI MOU MENGENAI KERJASAMA EKONOMI DAN PELABURAN

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Mesir yang sedang melawat ke sini Dr Kamal Ahmed El-Ganzoury dijangka memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama ekonomi dan pelaburan esok dalam langkah untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata hari ini penandatanganan itu dijangka berlangsung apabila Dr Kamal Ahmed mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat dengan enam anggota rombongan Perdana Menteri Mesir itu untuk membincangkan kandungan MoU itu di pejabatnya di sini.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Menteri Perdagangan dan Perbekalan Mesir Dr Ahmed Gewili, Menteri Elektrik Mohamed Maher Abaza, Menteri Pentadbiran Tempatan Dr Mahmoud Sherif, Menteri Perindustrian Soliman Redha, Pembantu Menteri Hal Ehwat Asia Sayed Abou Zaid dan Pembantu Menteri bagi Hal Ehwat Arah dan Timur Tengah Badr Hammam.

Dr Kamal Ahmed dan rombongannya tiba di sini malam Ahad dalam lawatan pertama ke Asia yang juga akan membawanya ke Singapura dan China.

Semasa lawatan dua hari itu, bermula hari ini, Dr Kamal Ahmed akan mencari dan memperkukuhkan perhubungan sosial, ekonomi dan politik di antara Malaysia dan Mesir.

Terdahulu, Rafidah dan Dr Ahmed Gewilli menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan yang akan mengadakan rangka kerja untuk meluaskan lagi aliran pelaburan dan aktiviti perniagaan di kalangan kedua-dua negara.

Upacara menandatangani itu disaksikan oleh Dr Mahathir dan Dr Kamal Ahmed, yang turut menyaksikan penandatanganan Perjanjian Pengangkutan Udara oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Mohamad Maher.

Rafidah dan Dr Ahmed Gewili juga menandatangani MoU mengenai penggalakan perdagangan yang membabitkan Pusat Penggalakan Eksport Mesir (EEPC) dan Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Satu lagi MoU mengenai pelancongan ditandatangani oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Dr Mahmoud Sherif. -- BERNAMA

RIZ OS MA